

TUJUAN BERHUTANG	KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM (cont)	DEFINISI AL-QARD	RUKUN AL-QARD
<ul style="list-style-type: none"><li>Untuk menikmati taraf hidup yang lebih selesa dengan tujuan untuk memiliki keperluan asas seperti kenderaan, rumah, perabot dan sebagainya.</li><li>Untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan atau meluaskan lagi empayar perniagaan.</li><li>Untuk melanjutkan pelajaran atau mendapatkan pendidikan dengan dibiayai oleh pihak-pihak tertentu.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Hanya melibatkan barang atau benda yang tidak musnah apabila digunakan seperti kereta, telefon bimbit, baju dan buku.</li><li>Jika barang itu mudah musnah atau susut nilai seperti sabun, maka akad pinjaman tidak sah</li></ul> <p><b>■ AL-QARD ■ (hutang)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>Pinjaman melibatkan barang yang boleh diganti.</li><li>Disebut sebagai salaf (hutang) iaitu pinjaman yang dibayar balik kepada pemutang tanpa syarat keuntungan.</li><li>Penghutang perlu memulangkan barang yang dipinjam dalam bentuk gantian dan bukan yang asal.</li></ul>	<p>1) <b>Bahasa</b> ➔ Al-qat'u (potong)</p> <p>2) <b>Istilah</b> ➔ Penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan</p> <p>3) Al-Qard dikategorikan sebagai <b>akad tabarru'</b> iaitu kontrak yang berteraskan kepada <b>konsep kebajikan</b>.</p>	<p>1) <b>Pemutang</b><ul style="list-style-type: none"><li>Ahli Tabarru' yang memiliki harta tersebut.</li><li>Tiada unsur paksaan (redha).</li><li>Bukan kanak-kanak dan berakal (tidak gila).</li></ul></p> <p>2) <b>Penghutang</b><ul style="list-style-type: none"><li>Bukan mahjur 'alaih kerana safih.</li><li>Berkemampuan untuk membayar balik pinjaman yang dibuat.</li></ul></p> <p>3) <b>Barang yang dipinjam</b><ul style="list-style-type: none"><li>Barang-barang mithliy (yang mempunyai unit yang serupa di pasar) iaitu yang boleh disukat dan ditimbang.</li><li>Barang-barang yang boleh dipulangkan dengan nilainya seperti duit.</li></ul></p> <p>4) <b>Sighah</b><ul style="list-style-type: none"><li>Lafaz ijab dan qabul.</li></ul></p>
<p><b>KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM</b></p> <p><b>■ AL-'ARIYAH ■ (pinjaman)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>Pinjaman sesuatu barang atau harta kepada peminjam bagi tujuan penggunaan manfaat tersebut secara percuma.</li><li>Hak pemilikan ke atas barang tersebut masih kekal pada pemberi pinjaman.</li><li>Peminjam tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau susut nilai bagi barang tersebut kecuali kecuaian adalah berpunca daripada peminjam sendiri.</li><li>Barang yang dipinjam hendaklah dipulangkan kepada tuannya dan bukan memulangkan gantian barang.</li></ul>	<p><b>PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BERHUTANG</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan terutama sekali bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan.</li><li>Agama Islam menganjurkan umatnya untuk menjalani kehidupan secara wasatiyyah atau bersederhana dan mengutamakan sikap qana'ah.</li></ul>	<p><b>OBJEKTIF PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>Membantu golongan yang memerlukan.</li><li>Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.</li><li>Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat.</li><li>Memupuk semangat persaudaraan, keprihatinan, ehsan dan saling bantu membantu di kalangan umat Islam.</li></ul>	<p><b>LARANGAN RIBA'</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>Larangan terhadap riba adalah jelas berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275.</li></ul>



### LARANGAN RIBA' (cont)

- Allah SWT telah memberi peringatan kepada orang yang beriman agar **tidak memakan riba sebaliknya mereka diseru agar bertaqwa kepada Allah SWT** kerana dengan itu mereka akan terdiri daripada orang--orang yang berjaya.
- Rasulullah SAW melaknat orang yang memakan riba, orang yang menjadi agen, orang yang mencatat transaksi tersebut serta orang yang menjadi saksi

• Hadith yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi menyatakan bahawa satu dirham riba yang dimakan oleh anak Adam terlalu berat dosanya disisi Allah SWT iaitu melebihi dosa tiga puluh enam kali melakukan maksiat zina.

### PRINSIP AL-QARD AL-HASAN

- ♦ Al-qard al-hasan bermaksud pinjaman yang baik.
  - ♦ Keprihatinan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan.
  - ♦ Peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah.
- **Dalil pensyariatannya ☺**

### PRINSIP AL-QARD AL-HASAN (cont)

(Surah Al-Baqarah, ayat 245) "Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan."

► **Hukum al-Qard al-Hasan ☺**

- ♦ Sunat
- ♦ Harus bagi seseorang untuk berhutang bagi tujuan untuk membebaskan dirinya daripada kesempitan hidup
- ♦ Tidak Harus sekiranya diketahui bahawa wang tersebut digunakan bagi tujuan haram atau maksiat.

### PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

- Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis bagi memastikan pihak-pihak yang berkontrak khususnya penghutang menyedari komitmen dan obligasi masing-masing.
- Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan atas sebab kelewatan membuat pembayaran balik hutang.

### PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG (cont)

- Hutang merupakan hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh yang dijanjikan.
- Menyelesaikan semua hutang.

### BANTUAN KEPADA ASNAT AL-GHARIMIN

- Institusi
- Kriteria zakat yang memainkan peranan yang besar dalam meringankan beban yang dihadapi oleh golongan ini yang diberikan perhatian besar dalam merangsang golongan yang berhutang atas faktor memenuhi keperluan asas kehidupan.

- Bantuan tidak disalurkan kepada mereka yang berhutang dengan pihak pemberi pinjaman tidak berlesen.

### GEJALA CETI HARAM / AH LONG

X Perniagaan pemberian pinjaman wang tanpa lesen yang sah atau lesen tamat tempoh atau lesen digantung.

X Ia bertentangan dengan ajaran Islam kerana perkhidmatan pinjaman kewangan yang ditawarkan mengandungi unsur riba.

X Terjadinya keganasan serta kekerasan seperti ugutan, tindakan mencederakan peminjam, dan pembunuhan.

### GEJALA CETI HARAM / AH LONG (cont)

Kerajaan mengambil tindakan berterusan untuk mengawal dan memantauinya

>>> Memberhentikan pemberian lesen kepada peminjam wang berlesen.

>>> Kempen kesedaran.

>>> Khidmat nasihat.

>>> Menurunkan iklan ah long di kawasan-kawasan perumahan.



By nuraqilahizzati

[cheatography.com/nuraqilahizzati/](https://cheatography.com/nuraqilahizzati/)

Published 26th June, 2020.

Last updated 27th June, 2020.

Page 2 of 2.

Sponsored by [Readable.com](https://Readable.com)

Measure your website readability!

<https://Readable.com>